

07 OCT 2003

Asean-Piagam

PEMIMPIN ASEAN METERAI BALI CONCORD II

Oleh: Salbiah Said dan Openg Onn

NUSA DUA (Bali), 7 Okt (Bernama) -- Para pemimpin Asean hari ini melakar sejarah dengan menandatangani sebuah piagam yang akan dijadikan rangka kerja ke arah mewujudkan Masyarakat Asean yang dinamik, kukuh, berdaya tahan dan bersatu padu.

Piagam yang dikenali sebagai "Bali Concord II" atau "Deklarasi ASEAN Concord II" berdiri di atas tiga tonggak utama iaitu integrasi ekonomi, keselamatan dan pembangunan sosio budaya.

Piagam tersebut merujuk kepada konsep Masyarakat Keselamatan Asean (ASC), Masyarakat Ekonomi Asean (AEC) dan Masyarakat Sosio Budaya Asean.

Asean dianggotai oleh Malaysia, Indonesia, Singapura, Thailand, Filipina, Brunei, Vietnam, Laos, Kemboja dan Myanmar.

Semasa berucap, Presiden Indonesia Megawati Soekarnoputri menyifatkan peristiwa tersebut sebagai titik penting dalam sejarah Asean.

"Dokumen berkenaan yang bertujuan melahirkan sebuah Masyarakat Asean akan membolehkan anak cucu kita hidup dalam negara yang sentiasa aman, stabil dan mengamalkan perkongsian kemakmuran," katanya selepas majlis itu.

Piagam berkenaan menyebut bahawa negara anggota Asean perlu memikul tanggungjawab utama ke arah meningkatkan kestabilan ekonomi dan sosial di rantau ini, di samping memastikan keamanan serta keselamatan nasional masing-masing bebas daripada campur tangan luar dalam sebarang bentuk atau cara bagi menjamin kepentingan nasional mereka sentiasa terpelihara sejajar dengan ideal serta hasrat rakyat masing-masing.

Ia juga menegaskan tentang peri pentingnya pematuhan terhadap prinsip tidak campur tangan serta kemuafakatan dalam kerjasama Asean.

Piagam tersebut turut memperakui bahawa pembangunan ekonomi secara berkekalan memerlukan persekitaran politik yang selamat, berasaskan kepada kekukuhan kepentingan dua hala yang dijana oleh kerjasama ekonomi dan perpaduan politik.

Piagam itu juga menegaskan bahawa Asean diasaskan kepada konsep negara-negara Asia Tenggara yang bersatu melalui ikatan perkongsian yang membabitkan pembangunan dinamik dan masyarakat penyayang yang memiliki kesungguhan dalam menjunjung kepelbagaian budaya serta keharmonian sosial.

Di samping itu, ia juga menyatakan tentang perlunya pemupukan nilai bersama seperti amalan tabiat berunding dalam membincangkan isu politik, serta kesediaan untuk berkongsi maklumat mengenai perkara kepentingan bersama seperti kerosakan alam sekitar, kerjasama keselamatan maritim, pembentukan nilai sosio politik serta prinsip dan kesungguhan dalam menyelesaikan pertikaian yang berlarutan secara aman.

Forum Serantau Asean (ARF), katanya, akan kekal sebagai forum utama bagi memperkukuhkan kerjasama politik dan keselamatan di rantau Asia Pasifik serta menjadi asas penting dalam memupuk keamanan dan kestabilan di rantau ini.

Masyarakat Keselamatan Asean (ASC) bercita-cita meningkatkan kerjasama politik dan keselamatan Asean bagi memastikan negara di rantau ini hidup secara aman antara satu sama lain dan dengan semua negara secara adil, demokratik dan harmoni.

Ia juga menyatakan anggota ASC akan hanya menggunakan proses keamanan dalam menyelesaikan perbezaan antara rantau dan menganggap keselamatan mereka mempunyai kaitan yang amat rapat antara satu dengan lain serta terikat oleh lokasi geografi serta wawasan dan objektif bersama.

ASC turut memperakui bahawa setiap negara anggota berhak mengamalkan

dasar luar serta aturan pertahanan masing-masing dengan mengambil kira hubungan rapatnya dengan realiti politik, ekonomi dan sosial.

Ia juga berpegang kepada prinsip realiti sosial, aspek politik, ekonomi, sosial dan budaya yang sejajar dengan Wawasan 2020 Asean, dan bukannya kepada pakatan pertahanan, perikatan ketenteraan atau dasar luar bersama.

Menurut dokumen itu, Asean akan terus memupuk perpaduan dan kerjasama serantau manakala anggotanya akan mengamalkan hak mereka untuk mentadbir negara masing-masing tanpa campur tangan luar.

ASC turut menyatakan bahawa Asean akan mematuhi Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu serta prinsip undang-undang antarabangsa lain dan menjunjung prinsip Asean yang berpegang kepada amalan tidak campur tangan, membuat keputusan melalui musyawarah, mengutamakan ketahanan nasional dan serantau, menghormati kedaulatan negara, menolak ancaman atau penggunaan paksaan serta menyelesaikan perbezaan pendapat dan pertikaian secara aman.

Masyarakat Ekonomi Asean (AEC) pula berhasrat mencapai cita-cita mutlak integrasi ekonomi seperti yang terkandung dalam Wawasan 2020 Asean iaitu untuk mewujudkan rantau ekonomi Asean yang stabil, makmur dan memiliki daya saing yang tinggi.

Piagam itu juga menyatakan AEC akan menjadikan Asean sebuah pasaran dan pangkalan pengeluaran tunggal dengan menjadikan kepelbagaian yang menjadi ciri khusus rantau ini sebagai peluang untuk melengkapkan lagi perniagaan dan seterusnya menjadikan rantau berkenaan segmen yang lebih dinamik dan kukuh dalam rangkaian bekalan sejagat.

Katanya dalam menuju ke arah pencapaian AEC, ASEAN akan menggunakan mekanisme dan langkah baru bagi memantapkan lagi pelaksanaan inisiatif ekonominya yang sedia ada, termasuk Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA), Perjanjian Rangka Kerjasama Asean mengenai Perkhidmatan (AFAS) dan Kawasan Pelaburan Asean (AIA).

Ia juga menyeru agar dipercepatkan pencapaian integrasi serantau dalam sektor yang menjadi keutamaan; memudahkan pergerakan ahli perniagaan serta pekerja mahir dan memperbaiki Mekanisme Penyelesaian Pertikaian Asean yang sedia ada bagi menjamin semua pertikaian ekonomi dapat diselesaikan dengan cepat dan mengikut undang-undang.

Sementara itu, sejajar dengan matlamat Wawasan 2020 Asean, Masyarakat Sosio Budaya Asean (ASCC) ingin melihat terbentuknya sebuah Asia Tenggara yang bersatu-padu dan dianggotai oleh masyarakat penyayang.

Seiring dengan program tindakan yang ditetapkan oleh Deklarasi Asean Concord 1976, Masyarakat ini akan memupuk kerjasama dalam bidang pembangunan sosial bagi meningkatkan taraf hidup kumpulan yang tidak bernasib baik serta penduduk luar bandar, dan berusaha melibatkan penyertaan semua lapisan masyarakat, terutama wanita, belia dan penduduk setempat, bagi menjayakannya.

ASEAN, katanya, akan memastikan tenaga kerjanya akan dipersiapkan dan mendapat manfaat daripada integrasi ekonomi dengan melabur lebih banyak sumber yang dimiliki bagi tujuan pendidikan, latihan, kemajuan sains dan teknologi, perwujudan peluang pekerjaan dan perlindungan sosial.

ASEAN, jelas piagam itu, akan menggiatkan lagi kerjasama dalam bidang kesihatan awam termasuk pencegahan dan pengawalan penyakit berjangkit seperti HIV/AIDS dan Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS), serta menyokong tindakan bersama serantau ke arah meningkatkan lagi peluang mendapatkan rawatan perubatan.

Piagam itu juga menyatakan ASCC akan menggiatkan lagi kerjasama dalam menangani masalah berkaitan pertumbuhan penduduk, pengangguran, kemusnahan alam sekitar serta pencemaran merentasi sempadan dan pengurusan bencana di rantau ini bagi membolehkan setiap negara anggota Asean mencapai potensi pembangunan sebenar masing-masing, di samping memperkukuhkan lagi semangat

kerjasama dua hala Asean.

Mereka yang menandatangani Bali Concord II ialah Sultan Brunei Sultan Hassanal Bolkiah, Presiden Indonesia Megawati Soekarnoputri, Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Presiden Filipina Gloria Macapagal-Arroyo dan Perdana Menteri Thai Dr Thaksin Shinawatra.

Pemimpin lain ialah Perdana Menteri Kemboja Samdech Hun Sen, Perdana Menteri Laos Bounnhang Vorachith, Perdana Menteri Myanmar Jeneral Khin Nyunt, Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong dan Perdana Menteri Vietnam Phan Van Khai.

-- BERNAMA

SS OPP JM SP ROS